



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN KAEDAH GABUNG BUNYI KATA TERHADAP
LITERASI AWAL AL-QURAN DALAM KALANGAN
MURID-MURID PENDIDIKAN KHAS
BERMASALAH PEMBELAJARAN**

AMINUDDIN BIN KHALIT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



EARLY READING LITERACY OF AL-QURAN AMONG SLOW LEARNERS PUPILS IN SPECIAL EDUCATION

ABSTRACT

This research aims at comparing the effects of using Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK and Kaedah Iqra' of early literacy Al-Quran and motivation of students with learning disabilities in special education classes. This research is a Quasi-Experiment which six students with learning disabilities special education classes in two schools in Hilir Perak was selected for this study. The sample was divided equally into two groups, namely students who learn using Kaedah Iqra' and the group of students who learn using Kaedah Mudah Belajar Membaca Al-Quran KGBK. The results of observations show that students are more motivated to learn using Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK as against the Kaedah Iqra'. Differences in achievement scores between the two study groups showed a group of students who learn using Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK obtain a higher score ie 90% and increase reading skills faster than the group that studied using Kaedah Iqra' which only obtain a score of 40% . The results showed Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK easier and more effective in teaching beginning reading Al-Quran among students with learning disabilities. Basically, the findings showed that overall, the Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK effective to increase student achievement and motivation in learning the Quran. Teaching and learning of Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran KGBK can also increase the level of involvement of the teaching and learning of students in the experimental group. The pattern of findings prove the effectiveness of this approach in teaching methods and learning the Quran specifically in improved performance and attitude among special education students. This study not only provides an alternative module specialized in teaching early reading Al-Quran for pupils with learning disabilities and even managed to produce a very important instrument in learning Al-Quran that can be used by teachers to test the level of literacy Al-Quran pupil more clearly and accurately.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat perbandingan kesan penggunaan Kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dan Kaedah Iqra' terhadap literasi awal Al-Quran dan motivasi murid bermasalah pembelajaran di kelas pendidikan khas. Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini melibatkan enam orang murid bermasalah pembelajaran kelas pendidikan khas integrasi di dua buah sekolah menengah di Daerah Hilir Perak. Sampel kajian dibahagikan sama rata kepada dua kumpulan iaitu kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah Iqra' dan kumpulan murid yang belajar menggunakan Kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran. Hasil pemerhatian menunjukkan murid lebih bermotivasi belajar menggunakan kaedah KGBK Al-Quran berbanding kaedah Iqra'. Perbezaan skor pencapaian di antara dua kumpulan kajian menunjukkan kumpulan murid yang belajar menggunakan kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran memperolehi skor lebih tinggi iaitu 90% dan peningkatan kemahiran membaca lebih cepat berbanding kumpulan yang belajar menggunakan kaedah Iqra' yang hanya memperolehi skor 40%. Pada asasnya dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kaedah KGBK Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran berkesan terhadap peningkatan pencapaian dan motivasi murid dalam pembelajaran Al-Quran. Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami juga dapat meningkatkan tahap penglibatan murid pengajaran dan pembelajaran. Pola dapatan yang diperolehi membuktikan kefungsi pendekatan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran khusus dalam mempertingkatkan pencapaian dan sikap dalam kalangan murid pendidikan khas. Kajian ini bukan sahaja dapat menyediakan satu modul alternatif khusus dalam pengajaran awal membaca Al-Quran untuk murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran malah berjaya menghasilkan satu instrumen yang sangat penting dalam pembelajaran Al-Quran yang dapat dimanfaatkan oleh para guru untuk menguji tahap literasi Al-Quran murid secara lebih jelas dan tepat.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GRAF	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Kerangka Teoritikal	20
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	30
1.6 Tujuan Kajian	33
1.6.1 Tujuan Umum	33
1.6.2 Tujuan Khusus	33
1.7 Objektif Kajian	34
1.8 Persoalan Kajian	34
1.9 Kepentingan Kajian	35
1.10 Batasan Kajian	37
1.11 Definisi Konsep dan Operasional	38
1.11.1 Kesan	38
1.11.2 KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran	38



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.11.3	Literasi Al-Quran	44
1.11.4	Motivasi	45
1.11.5	Murid Bermasalah Pembelajaran	46
1.12	Rumusan	48

BAB 2 **TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	49
2.2	Kepentingan Literasi	50
2.3	Masalah Literasi Al-Quran di Kalangan Murid	52
2.4	Kesan Kaedah Pengajaran Terhadap Literasi Al-Quran	58
2.5	Teori dan Kaedah Pengajaran Jawi	60
2.6	Teori Pengajaran Al-Quran	67
2.7	Metod dan Kaedah Pengajaran Al-Quran	69
2.7.1	Kaedah Talaqqi Musyafahah	73
2.7.2	Kaedah Tasmik	74
2.7.3	Kaedah Tadarrus	74
2.7.4	Kaedah Tikrar	75
2.7.5	Kaedah Bagdadiah	75
2.7.6	Kaedah Qiraati	76
2.7.7	Kaedah Hattawiyah	77
2.7.8	Kaedah Kalam	77
2.7.9	Kaedah Al-Hira'	79
2.7.10	Kaedah Al-Jabari	79
2.7.11	Kaedah Iqra'	80
2.8	Kajian Pengajaran Al-Quran Terhadap Motivasi	83
2.9	Rumusan	84

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	86
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.3	Kaedah KGBK Mudah Belajardan Fahami Al-Quran	92
3.4	Subjek Kajian	106
3.4.1	Pemilihan Sekolah	106
3.4.2	Pemilihan Sampel Kajian	107
3.4.3	Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas	109
3.5	Alat Ukur Kajian	110
3.5.1	Ujian Pencapaian Literasi Al-Quran	110
3.5.1.1	Panduan Mentadbir Ujian Pencapaian	112
3.5.2	Temubual Guru	113
3.5.3	Temubual Murid	114
3.5.4	Catatan Pemerhatian	114
3.5.5	Rakaman Video	115
3.6	Kajian Rintis	115
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	117
3.7.1	Kebolehpercayaan	117
3.7.2	Kesahan	118
3.8	Prosedur Pengendalian Eksperimen	120
3.8.1	Kumpulan Eksperimen	125
3.8.2	Kumpulan Kawalan	126
3.8.3	Perbandingan Kaedah Pengajaran	128
3.8.4	Perancangan Kajian Di Sekolah	134
3.9	Pelaksanaan Kajian Di Sekolah	138

3.10	Tatacara Pemerolehan Data	142
3.10.1	Ujian Pencapaian	142
3.10.2	Temu bual Guru dan Murid	142
3.10.3	Catatan Pemerhatian	143
3.10.4	Rakaman Video	144
3.11	Tatacara Analisis Data	144
3.11.1	Markah Pencapaian Literasi Al-Quran	146
3.11.2	Data Temubual Guru	148
3.11.3	Data Temubual Murid	149
3.11.4	Catatan Pemerhatian	149
3.11.5	Rakaman Video	150
3.12	Rumusan	150

4.1	Pengenalan	152
4.2	Proses pengajaran dan pembelajaran	153
4.2.1	Sekolah A - Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran (KE)	154
4.2.2	Sekolah B – Kaedah Iqra’	173
4.2.3	Catatan Pemerhatian (KE)	189
4.2.4	Catatan Pemerhatian (KK)	193
4.2.5	Kesimpulan Pemerhatian	196
4.3	Skor pencapaian individu	198
4.3.1	Perbezaan Ujian Pra KE dan KK	198
4.3.2	Perbezaan Ujian Pos KE dan KK	201
4.4	Perbezaan skor pencapaian kumpulan	212

4.4.1 Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	212
4.4.2 Temubual Guru dan Murid	228
4.5 Rumusan	230

BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	232
5.2 Ringkasan Kajian	233
5.3 Ringkasan dan Perbincangan Dapatan Kajian	234
5.4 Rumusan Dapatan Kajian	237
5.5 Cadangan	238
5.6 Implikasi Kajian	239
5.7 Sumbangan Dapatan Kajian	240
5.8 Cadangan Kajian Lanjutan	242

5.9 Rumusan	243
-------------	-----

RUJUKAN	245
---------	-----

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Isahak Haron (2005) Kaedah Mengajar Literasi (Awal Membaca dan Menulis)	27
1.2	Dibina berdasarkan Isahak Haron (2005) KGBK Mudah Belajar Jawi	28
1.3	Diubahsuai berdasarkan Bloom, S. B. (1976) <i>Human characteristic and school learning</i>	29
1.4	Kerangka Konsep :Diubahsuai daripada Misnan Jemali(2008): Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah	33
2.1	Graf : Tahap sebutan bunyi huruf	54
3.1	Reka Bentuk Kajian	91
3.2	Carta alir pelaksanaan kajian di sekolah	141



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Ujian Pra dan Ujian Pos	90
3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	119
3.4	Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Mengikut Kumpulan	127
3.5	Perbandingan Kaedah	133
3.6	Perancangan Pelaksanaan Kajian	137
3.8	Skor Ujian Diagnostik Literasi Al-Quran	147
4.1	Perbezaan Kaedah Mudah Belajar Awal Membaca Al-Quran dan Kaedah Iqra'	197
4.2	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	198
4.3	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KK di sekolah B	199
4.4	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	201
4.5	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	202
4.6	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KK di sekolah B	203
4.7	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KE di sekolah A	204
4.8	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pra) KK di sekolah B	205
4.9	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KK di sekolah B	206
4.10	Analisis Ujian Pos (KE dan KK)	211
4.11	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	212
4.12	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	213
4.13	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	214
4.14	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	215
4.15	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	216
4.16	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	217
4.17	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	218
4.18	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	219
4.19	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	220
4.20	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	221
4.21	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	222



4.22	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	223
4.23	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	224
4.24	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	225
4.25	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	226
4.26	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	227
4.27	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	228
4.28	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	229
4.29	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	230
4.30	Analisis Ujian Bacaan (Ujian Pos) KE dan KK	231

SENARAI GRAF

No. Graf		Muka Surat
4.1	Analisis Ujian Pra (KE dan KK)	200
4.2	Analisis Ujian Pos (KE dan KK)	211
4.3	Perbezaan Skor (KE dan KK)	226

SENARAI SINGKATAN

KGBK Kaedah Gabungan Bunyi Kata

KE Kumpulan Eksperimen

KK Kumpulan Kawalan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang dikurniakan Allah swt kepada junjungan besar Nabi Muhammad saw. Al-Quran bukan sahaja diwahyukan sebagai sumber perundangan Islam malah sebagai panduan yang meliputi segala aspek kehidupan manusia sejagat. Di dalam khutbah terakhir Nabi Muhammad saw pada tanggal 10 Zul Hijjah, baginda berpesan kepada umatnya bahawa terdapat dua perkara yang baginda tinggalkan untuk umatnya yang bilamana mereka berpegang teguh dengan dua perkara tersebut dijamin

bahawa mereka tidak akan sesat selamanya iaitu ; Al-Quran dan As Sunnah. Kaedah dan cara Al-Quran diturunkan Allah adalah dengan

mengikut keadaan dan suasana yang memerlukan dan diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun, iaitu 13 tahun di Mekah manakala 10 tahun di Madinah.

Hikmah dan tujuan Allah menurunkan Al-Quran secara beransur-ansur atau tadarruj ialah supaya mudah difahami dan dihafaz, Sheikh Abdullah (1995), Misnan Jemali (2008). Kaedah yang sama akan dipraktikkan di dalam kajian ini iaitu sistem pengajaran secara bertahap atau mengikut aras berdasarkan kaedah pedagogi. Malah pengajaran secara beransur-ansur bukan sahaja akan membantu murid untuk lebih memahami bahkan dapat meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran. Nabi mengajar Al-Quran kepada para sahabat dengan menggunakan kaedah dan teknik secara tadarruj iaitu sedikit demi sedikit dan cara pengajaran tersebut merupakan yang terbaik dan berkesan. Allah s.w.t berfirman dalam Al-Quran :

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ
قُرْآنَهُ ۚ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۚ كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ ۚ وَتَذُرُونَ الْآخِرَةَ ۚ

(Al-Quran, Surah Qiamah 75 : 16-21)

16. Jangan kamu menggerakkan dengan Al-Qur'an kepada lidahmu untuk mempercepat dengannya 17. Sungguh atas tanggungan Kami penyampaian secara globalnya dan pembacaannya 18. Maka apabila Kami telah membacakannya maka ikutilah bacaannya

19. Kemudian sungguh atas tanggungan Kami pula penyampaian secara perinciannya 20. Sekali-kali janganlah demikian, sebenarnya kamu (hai manusia) mencintai dunia 21. Dan meninggalkan kehidupan akhirat”. Al-Quran Surah al-Qiyamah.75 : 16-21.

Peringatan dan pesanan supaya berpegang teguh kepada Al-Quran telah membuktikan betapa pentingnya umat Islam untuk menguasai pembelajaran Al-Quran dalam mendepani cabaran dalam kehidupan. Malah Islam menuntut agar umatnya memahami konsep mempelajari Al-Quran dengan menguasai bacaan, kefahaman, penghayatan, hafazan, tarannum dan meneruskan pengajaran kepada generasi selanjutnya (al-Badry 1983, Mohd Yusof 2000, Misnan Jemali 2008). Pertumbuhan pusat pengajian Al-Quran di Malaysia pada masa kini sangat menggalakkan. Senario ini disebabkan permintaan dan kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap pentingnya pembelajaran Al-Quran di dalam kehidupan. Walaubagaimanapun, wujud sebilangan murid yang masih sukar untuk membaca dan memahami Al-Quran.

Apabila kita berbicara mengenai pembelajaran Al-Quran, ia bermula dengan kemampuan dan kemahiran seseorang menguasai asas pembelajaran Al-Quran iaitu mengenal dan membunyikan setiap huruf hijaiyah. Kesukaran yang dihadapi di peringkat pembelajaran awal literasi Al-Quran akan membawa masalah pada peringkat seterusnya. Jika masalah ini berterusan dan kumulatif penguasaan literasi murid akan terus bermasalah dan kekal. Masalah literasi yang tidak diatasi di peringkat awal akan memberi kesan negatif kepada murid khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca Al-Quran. Jika ramai murid gagal membaca Al-Quran ia akan menyebabkan masyarakat semakin

jauh daripada penghayatan terhadap Al-Quran. Situasi ini pastinya akan merugikan umat Islam keseluruhannya yang tidak dapat menikmati kelebihan dan keistimewaan Al-Quran. Al-Quran mempunyai kelebihan sebagai kalam Allah yang qadim, di mana orang yang membaca, mendengar, menghafaz, belajar dan mengajar semuanya akan menikmati kelebihan Al-Quran (Mohd Yusuf 2000).

Sesungguhnya umat Islam sangat dituntut mempelajari Al-Quran. Bahkan membaca Al-Quran merupakan satu ibadat yang akan diberi ganjaran pahala oleh Allah SWT. Penguasaan kemahiran membaca Al-Quran seterusnya akan membantu umat untuk memahami dan menghayati Al-Quran kerana Al-Quran merupakan kalam Allah yang syumul merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Kenyataan ini telah dibuktikan oleh dalil-dalil dari al-quran dan hadis yang membicarakan tentang kelebihan bagi mereka yang membaca, memahami dan beramal dengan apa dituntut di dalam Al-Quran. Di antara dalil dari Al-Quran adalah :

Allah SWT telah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجْرَةً لَّان تَبُورَ ۖ لِيُؤْفِقَهُمْ أَجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ

(Al-Quran, Surah Faathir 35 : 29-30)

29. Sesungguhnya orang-orang Yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa Yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan Yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan Yang tidak akan mengalami kerugian;

30. supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas Dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang Yang bersyukur kepadanya). Al-Quran, Surah Faathir 35 : 29-30

Dalil tersebut telah membuktikan kelebihan yang akan diperolehi oleh mereka yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup. Sesungguhnya usaha mereka akan diberi jaminan oleh Allah SWT.

Allah Ta'ala juga berfirman:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللّٰهَ ذِكْرًا كَثِيْرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوْهُ بُكْرَةً وَّاَصِيْلًا ﴿٤٢﴾

(Al-Quran, Surah Al-Ahzab 33 : 41-42)

41. Wahai orang-orang Yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah Dengan ingatan serta sebutan Yang sebanyak-banyaknya;

42. dan bertasbihlah kamu kepadanya pada waktu pagi dan petang.

Al-Quran, Surah Al-Ahzab 33 : 41-42

Menyedari hakikat pentingnya usaha untuk mengatasi masalah literasi Al-Quran di kalangan murid-murid, kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran terhadap literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kaedah ini pada asasnya dibina berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata yang telah digubal oleh Isahak Haron (1979). Kaedah Gabungan Bunyi Kata dibina untuk kaedah pengajaran awal membaca dan menulis Bahasa Melayu di kalangan murid-murid pra sekolah dan sekolah rendah untuk mengatasi masalah murid membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu misalnya program LINUS. Manakala Kaedah KGBK Mudah Belajar dan Fahami Al-Quran dibina untuk membantu meningkatkan literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana kaedah ini dapat membantu murid bermasalah pembelajaran membaca Al-Quran disamping melihat tahap motivasi murid semasa proses pembelajaran dijalankan.

1.3 Latar Belakang Kajian

Kemahiran membaca merupakan asas untuk menguasai ilmu yang lebih bermakna. Kegagalan menguasai kemahiran membaca pastinya memberi impak negatif kepada murid untuk meneruskan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi. Kegagalan ini bukan sahaja akan memberi kesan terhadap proses pembelajaran malah turut memberi impak negatif terhadap aspek-aspek akademik yang lain. Kegagalan ini juga akan memberi kesan kepada pembentukan konsep-kendiri negatif dan masalah sosio-emosi. Kesan-

kesan tersebut akhirnya akan menjadikan suasana pembelajaran di sekolah menjadi tidak bermakna dan membosankan.

Menurut Azila Alias (2008) dalam kajiannya yang bertujuan membuat perbandingan keberkesanan pelaksanaan tiga pendekatan pengajaran awal membaca Bahasa Melayu di kalangan kanak-kanak tabika dalam bilik darjah iaitu Kaedah Abjad, Kaedah Seluruh Perkataan dan kaedah Gabungan Bunyi Kata menyatakan bahawa membaca bukanlah suatu proses yang mudah. Ia adalah gabungan beberapa proses yang kompleks. Membaca menggabungkan beberapa kemahiran, iaitu kemahiran pengamatan yang diskriminatif (mengenal dan membezakan bentuk-bentuk huruf), kemahiran mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi dengan tepat dan jelas, menyebut bunyi-bunyi yang dilambangkan oleh huruf-huruf, menggabungkan penyebutan bunyi-bunyi itu untuk membentuk perkataan dan berkebolehan pula memindahkan lambang-lambang yang dibacanya itu kepada sistem saraf pusat (otak) untuk menterjemah dan memahami apa yang dibacanya.

Penyataan tersebut membuktikan bahawa proses pembinaan kemahiran membaca memerlukan gabungan semua aspek pembelajaran seperti kesesuaian sukatan pelajaran, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran, aspek pedagogi yang sesuai, mudah dan mampu meningkatkan tahap literasi dan motivasi murid untuk belajar. Beberapa isu yang perlu difikirkan dalam menghadapi masalah pengajaran tilawah Al-Quran pada masa kini, antaranya ialah para guru tidak menggunakan metodologi atau pedagogi yang sesuai seperti disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pengajaran tilawah

Al-Quran di bilik darjah. Persoalan adakah para guru tidak mendapat latihan yang secukupnya sehingga tidak memiliki kemahiran pedagogi yang sewajarnya. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, para guru perlulah diberi latihan yang sesuai khusus untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca. Ketiadaan pendedahan dari aspek kurikulum dan pedagogi, akan memberikan kesan yang negatif kepada guru kerana guru agak sukar merancang pengajaran tahunan dan menyelesaikan sukatan pelajaran dalam masa yang tertentu di samping ketiadaan pendedahan untuk mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik pengajaran (Ramayulis 2005).

Selain kemahiran dan kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran faktor kemudahan juga harus diberi perhatian sewajarnya. Contohnya naskhah Al-Quran, modul pembelajaran yang sesuai, bahan bantuan mengajar, kelas dan suasana persekitaran pembelajaran. Selain itu, beberapa faktor penting lain yang menyebabkan pengajaran Al-Quran tidak tercapai seperti dikehendaki oleh kurikulum pendidikan Al-Quran perlu segera diatasi. Oleh itu, kajian yang lebih jelas dan teliti perlu dijalankan. Kajian perlu dijalankan dari aspek kesesuaian susunan sukatan pelajaran tilawah Al-Quran dengan tahap kemahiran dan kemampuan pelajar di sekolah.

1.4 Penyataan Masalah

Sektor Data Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan dalam “Quick Facts 2013-Malaysia Educational Statistics”

Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa bilangan murid-murid yang

mengikuti kelas pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) di sekolah menengah pada tahun 2011 ke 2013 telah meningkat iaitu dari 17,093 ke 21,560 orang. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan bilangan murid-murid yang mengikuti kelas pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) pada tahun 2011, 2012 dan 2013.

Jadual 1.1

Bilangan Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran) Sekolah Menengah

2011	2012	2013
17,093	19,113	21,560

Antara faktor berlakunya peningkatan bilangan murid pendidikan khas (bermasalah pembelajaran) di sekolah menengah adalah kegagalan murid untuk menguasai kemahiran membaca.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha membina dan meningkatkan dasar kurikulum pelajaran yang lebih efektif dan dinamik sesuai dengan tuntutan semasa. Gelombang baru ini juga telah menetapkan sasaran khusus untuk mengatasi masalah 2M (membaca dan menulis) di sekolah. Melalui pelaksanaan pelbagai program yang menggunakan kaedah yang sesuai dan berkesan termasuk program LINUS (literasi dan numerasi), matlamat untuk melahirkan murid celik 2M menjelang 2015 pastinya boleh dicapai. Sememangnya usaha meningkatkan kemahiran membaca pada peringkat awal amat penting bagi mengatasi masalah membaca dalam pendidikan formal dan kejayaan masa depan seseorang.

Usaha untuk membangunkan generasi celik Al-Quran di sekolah-sekolah telah dilaksanakan secara berterusan sejak dahulu sehingga waktu ini dengan berbagai-bagai pendekatan, strategi dan kaedah seperti kaedah Baghdadi, Iqra', 'Qiratu, Barqi, dan Muyassar (Mohd Zohdi et.al. 2003). Walaupun begitu, terdapat kajian-kajian lepas yang menunjukkan masih ramai pelajar lemah menguasai tilawah Al-Quran dari aspek membaca, memahami dan menghafal Al-Quran (ayat tertentu) di sekolah-sekolah (Maimunah 1995; Che Pee 1993; Muhammad 1992; Zainal Abidin 1990; dan Abdul Rahman 1987).

Selain usaha yang berterusan dalam meningkatkan literasi Al-Quran, Kementerian Pelajaran juga turut melaksanakan program J-Qaf yang menekankan empat komponen utama dalam Pendidikan Islam iaitu Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain'. Usaha yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, YAB Tun Abdullah bin Ahmad Badawi sewajarnya dihargai setiap lapisan masyarakat. Namun persoalannya adalah sejauhmanakah kaedah yang digunakan dalam program J-Qaf dapat membantu meningkatkan prestasi murid dalam Pendidikan Islam. Bahkan isu yang perlu diberi perhatian adalah kesan kaedah yang digunakan untuk mengatasi masalah literasi Jawi dan Al-Quran di kalangan murid. Kaedah yang sesuai dan mudah dipelajari sangat penting kerana ia bukan sahaja dapat membantu meningkatkan tahap literasi Al-Quran bahkan dapat meningkatkan tahap motivasi murid dalam pembelajaran.

Firman Allah s.w.t :

فَاقْرَأُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ

(Al-Quran, Surah Al-Muzammil 73 : 20)

“Kemudian bacalah sesuatu yang mudah bagimu daripada Al-Quran”

Al-Quran, Surah Al-Muzammil 73 : 20

Walaupun Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia, telah dan sedang melaksanakan pelbagai pendekatan pengajaran Al-Quran di sekolah-sekolah seperti pendekatan kaedah al-Baghdadi, Kaedah Iqra' dan Kaedah Hatawiyah, namun masih terdapat ramai pelajar di sekolah rendah dan menengah yang masih lemah dalam menguasai Al-Quran (Syed Ahmad, Khairul Anuar & Mohd Zohdi 2003). Banyak faktor yang menyebabkan pelajar masih lemah dalam penguasaan Al-Quran antaranya ialah faktor amalan pengajaran Al-Quran di bilik darjah di kalangan guru di sekolah masih di tahap minima. Menurut Misnan Jemali (2008), pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah menengah perlu dibuat kajian untuk melihat apakah faktor sebenar masalah kelemahan pelajar dalam menguasai Al-Quran dari aspek membaca, memahami dan menghafaz, sedangkan guru-guru Al-Quran mendapat latihan-latihan perguruan dari institusi-institusi perguruan yang secukupnya. Kajian ini sangat diperlukan untuk meneruskan usaha mengenalpasti masalah yang dihadapi seterusnya mengambil tindakan yang perlu untuk mengatasinya.